



SELASA, 5 JULAI 2011

146,942 ditangkap berkaitan dadah tahun lepas

KAJANG - Seramai 146,942 orang ditangkap berkaitan dadah tahun lepas, melibatkan 137,241 penagih dan 9,701 pengedar, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Sebanyak 31 buah makmal turut tumpas sepanjang 2009-2010, melibatkan rampasan dadah RM226.75 juta, manakala nilai keseluruhan rampasan direkodkan pada 2009 dan 2010 adalah RM658 juta.

"Kerajaan tidak berkompromi memerangi penyeludupan dan pengedaran dadah," katanya.

Lima akta digubal sejak 1952 bagi tujuan mencegah pengedaran, penagihan dadah, dan usaha pemulihan penagih seperti Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan) 1998, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985, Akta Dadah Berbahaya Perlucutahkan Harta) 1988 dan Akta Racun 1952.

"Terbukti undang-undang ketat membantu dalam mengatasi penagihan dan pengedaran. Namun, tidak cukup untuk menakutkan pengedar dadah dan belum dapat menginsafkan," katanya selepas merasmikan Bangunan Ibu Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan melancarkan Skuad 1Malaysia di sini semalam.

Menurutnya, negara memerlukan pendekatan utama memerangi dadah iaitu pencegahan, pemulihan, penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Hishammuddin berkata ancaman dadah perlu ditangani memandangkan Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) menganggarkan sekitar 210 juta orang menggunakan dadah terlarang setiap tahun dan 200,000 orang berada di ambang kematian.

Sebanyak 27 buah Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (CCSC) ditubuhkan dengan menerima klien berjumlah 212,708 orang sehingga Jun 2011.

Sejumlah 5,686 orang mendapat khidmat rawatan dan pemulihan di tujuh klinik

CCSC 1Malaysia iaitu di Bukit Mertajam, Sungai Besi, Kota Baharu, Tampin, Tampoi, Kuching dan Papar.

“AADK mempunyai lebih daripada 150,000 sukarelawan, 147,034 daripadanya di dalam Rakan Anti Dadah (RADA), 5,837 orang di dalam Masyarakat Wanita Antidadah (Mawadah), 1,639 orang di dalam Persatuan Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan Dadah (JKPD) dan bakinya di dalam Persatuan Alumni AADK (Pendamai), Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Ahli Lembaga Pelawat,” katanya. - Bernama